

# Mahasiswa UMSKAL kongsi ilmu dengan pelajar KML

um 17.12.2014 26

**LABUAN 16 Dis.** - Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berkongsi pengalaman dan ilmu dengan pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) sempena program Sharing To Success 2014.

Program anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMSKAL yang dibimbing Pegawai Psikologi dan Kaunseling, Nur Iman Reedzal itu diadakan di Bilik Seminar, Bangunan Menara, universiti berkenaan baru-baru ini.

Seramai 40 pelajar KML terdiri daripada Jawatankuasa Ketua Mentor Mentee (Jaktee) terlibat dalam program tersebut diiringi Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Zaemah Suhaili bersama dua Pegawai Kaunseling, Sadiyah Jakob dan Hajah Kamsi @ Kam-

siah Adil.

Menurut Sadiyah, program itu memberi ruang dan peluang kepada pelajar KML untuk berinteraksi dengan mahasiswa UMSKAL dari segi akademik, pengajaran dan pembelajaran serta kehidupan di kampus.

"Program ini dilihat memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar KML untuk belajar lebih gigih seterusnya mendapat keputusan cemerlang sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, Nur Iman yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik mengalu-alukan kunjungan dan kerjasama KML dalam program anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa universiti berkenaan.



MAHASISWA Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan para pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) bergambar bersama sempena Program Sharing To Success 2014, baru-baru ini.